


Ekspedisi Saintifik Ulu Muda adalah satu projek yang dikelolakan oleh Persatuan Pencinta Alam Malaysia (Malaysian Nature Society) selama dua tahun untuk mengkaji, menyelidik serta mendokumentasi biodiversiti di hutan simpan Ulu Muda seluas 1,638 km (162,300 ha) di Kedah. Hutan Ulu Muda bukan sahaja memainkan peranan sebagai tadahan air hujan untuk tiga empangan yang membekal air kepada kegunaan domestik dan industri di Kedah, Perlis dan Pulau Pinang bahkan membolehkan tanaman padi dua kali setahun di Rancangan Pengairan Muda, iaitu Jelapang Padi yang terbesar di Malaysia. Majlis pelancaran Ekspedisi Saintifik Ulu Muda ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Encik Ooi Tze Min, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kedah yang mewakili YAB Menteri Besar Kedah.



Hutan Ulu Muda adalah kaya dengan biodiversiti dan kekayaan flora dan fauna belum dikaji dan didokumentasikan lagi. Para saintis dan pakar dari pelbagai bidang akan dijemput untuk membuat kajian itu dengan sokongan lojistik, bantuan teknikal serta tenaga manusia kepada pasukan yang memasuki hutan Ulu Muda.

Pusat Ekspedisi Saintifik Ulu Muda di Empangan Muda akan dijadikan sebagai pusat informasi kepada semua pelawat dan pelancong ke Ulu Muda selepas ekspedisi tamat. Turut hadir sama ke majlis iaitu Tuan Syed Zainuddin Syed Zain, Timbalan Pengurus Besar (Teknikal) MADA.

